

30.9.2023
Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**29.9.2023 ISU AIR BANJIR BALING:
PERKHIDMATAN BEKALAN AIR “DIPULIHKAN” PADA PUKUL 6 PAGI HARI INI
(30.9.2023)**

- PBAPP telah memulihkan bekalan air untuk lebih 99% daripada 465,004 pengguna air yang terjejas di Seberang Perai dan Pulau Pinang.**
- Sesetengah kawasan tanah tinggi dan hujung paip agihan (HPA) mungkin masih mengalami tekanan air rendah selama beberapa jam disebabkan beberapa isu terpencil yang perlu ditangani oleh PBAPP.**

PULAU PiNANG, Sabtu, 30.9.2023: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) berjaya “memulihkan” perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang kira-kira 21 jam selepas isu banjir Baling 29.9.2023 yang berlaku semalam.

Setakat jam 6.00 pagi hari ini, berikut adalah poin penting yang meringkaskan status bekalan air di Pulau Pinang:

1.	Tahap kekeruhan Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang di Seberang Perai	261.5 NTU (nephelometric turbidity units)
2.	Status pengabstrakan air mentah di Lahar Tiang	100% Kira-kira 1,100 JLH (juta liter sehari)
3.	Pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua	100% Kira-kira 1,000 JLH
4.	Status pemulihan bekalan air keseluruhan bagi 465,004 pengguna terjejas terjejas semalam	99%, dengan kes terpencil isu air di kawasan tanah tinggi dan kawasan hujung paip agihan (HPA).

Seperti yang dijangkakan, terdapat beberapa isu di beberapa kawasan tinggi dan kawasan HPA. Kakitangan kami sedang menangani isu itu sebaik mungkin untuk memulihkan perkhidmatan bekalan air sepenuhnya kepada semua pelanggan PBAPP.



PBAPP ingin mengucapkan terima kasih kepada pengguna yang terjejas kerana memahami, menyokong dan sabar. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan semua organisasi yang telah membantu kami dalam menangani krisis singkat ini dalam tempoh 21 jam.

Izinkan saya mengulangi fakta berkaitan kejadian ini:

- Pada awal pagi 29.9.2023, kekeruhan air mentah Sungai Muda di Lahar Tiang melonjak sebanyak 556%, daripada 236 NTU (*nephelometric turbidity units*) pada 12.00 tengah malam kepada 1,549 NTU pada 7.00 pagi. PBAPP terpaksa mengurangkan pengabstrakan air mentah sebanyak kira-kira 70% pada jam 9.00 pagi.
- Pengurangan 70% dalam pengabstrakan air mentah di Lahar Tiang ini memaksa PBAPP untuk mengurangkan pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua kepada 716 JLH (disokong oleh 300 JLH pelepasan dari Empangan Mengkuang Diperbesarkan).
- Jumlah air terawat yang lebih rendah telah dikeluarkan dan dipam dari LRA Sungai Dua selama 9 jam pada 29.9.2023. Akibatnya, bekalan air kepada 465,004 pengguna air terjejas.
- Insiden 29.9.2023 ini adalah **“gangguan bekalan air tidak berjadual”** yang disebabkan oleh kejadian luaran dan faktor yang di luar kawalan PBAPP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ia berkaitan **kejadian banjir kilat di Baling, Kedah baru-baru ini**.
- PBAPP mengutamakan keselamatan awam kerana LRA Sungai Dua tidak direka bentuk untuk memproses air mentah dengan kadar kekeruhan melebihi 1,000 NTU dengan selamat untuk menghasilkan air terawat yang selamat untuk kegunaan awam.
- Pemantauan 24/7 PBAPP terhadap kualiti air mentah di Lahar Tiang (sejak 22.9.2023) dan tindakan awal untuk melepaskan air mentah dari Empangan Mengkuang Diperbesarkan (sejak 28.9.2023) membantu mengurangkan kesan kejadian ini.



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Pengguna air yang masih menghadapi masalah bekalan berkaitan kejadian ini diminta menghubungi Pusat Panggilan 24 Jam kami (no. tel 04 255 8 255) untuk mendapatkan nasihat dan bantuan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@eba.com.my